

**Yang di-Pertuan Agong Berangkat Ke Majlis Mesra Rakyat
Bernama
22 September , 2011**

BANTING, 22 Sept (Bernama) -- Yang di- Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah pada Khamis berangkat ke Majlis Mesra Rakyat di dataran Pantai Morib di sini sempena lawatan rasmi tiga hari baginda ke Selangor.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda berdua pada pukul 10.30 pagi disambut oleh Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohammed Khusrin Munawi.

Turut hadir ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar pada majlis yang dihadiri kira-kira 5,000 rakyat yang tidak melepaskan peluang untuk melihat Seri Paduka Baginda berdua dengan lebih dekat walaupun dalam hujan.

Tuanku Mizan dan Tuanku Nur Zahirah kemudian diraikan dalam majlis santapan ringan dan persembahan kebudayaan tradisional 'Tarian Selamat Datang' oleh penari dari Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.

Seri Paduka Baginda berdua turut dihiburkan dengan persembahan tarian Bugis, Cina, India dan Orang Asli. Tuanku Mizan seterusnya berkenan menerima pelbagai cenderamata daripada wakil-wakil daerah Selangor.

Seri Paduka Baginda berdua kemudian berkenan meluangkan masa melawat gerai-gerai pameran sebelum berangkat ke Istana Pantai Bahagia, Morib, kira-kira pukul 11.45 pagi untuk majlis santapan.

Tuanku Mizan dan Tuanku Nur Zahirah yang akan mengakhiri lawatan esok, dijadual berangkat ke majlis taklimat mengenai kemajuan dan pembangunan negeri Selangor di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam petang ini sebelum menghadiri majlis santapan malam Menjunjung Kasih di Pusat Konvensyen Shah Alam malam ini.

---BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=615033>